

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 22 OKTOBER 2019

SOALAN NO. 20

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- a) apakah perancangan Kerajaan untuk mengkaji dan menambah baik Skim Perkhidmatan Awam bagi menjamin kebajikan anggota-anggota perkhidmatan awam ; dan
- b) apakah perancangan Kerajaan terutamanya usaha bagi menambah baik kebajikan anggota penguatkuasaan terutamanya Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian bagi menambah baik Skim Perkhidmatan Awam bagi menjamin kebajikan anggota-anggota perkhidmatan awam sedang diusahakan di bawah Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam yang antara lain meliputi aspek perkhidmatan, kemajuan kerjaya, saraan, pasca perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada penjawat awam.

NO SOALAN : 20

Berhubung dengan usaha penambahbaikan kebajikan anggota penguatkuasaan terutamanya bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), saranan bagi Perkhidmatan PDRM dan ATM termasuk keseluruhan perkhidmatan awam, ianya sentiasa dikaji dan penambahbaikan terkini adalah melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016. Penambahbaikan-penambahbaikan yang dilaksanakan adalah berkaitan prinsip kadar upah untuk kerja, kelayakan masuk dan latihan, dalam masa yang sama mengekalkan relativiti dan pariti antara gred dan skim perkhidmatan.

Buat masa ini, insentif-insentif yang diberi telah dipertimbangkan berdasarkan kriteria-kriteria seperti tahap risiko yang dihadapi, pengiktirafan kemahiran, kos sara hidup, penempatan, perkhidmatan dan tugas serta kompetensi tambahan pegawai dan anggota bagi memastikan kebajikan pegawai/ anggota sentiasa terjamin. Pemberian insentif-insentif ini adalah sebagai tambahan kepada gaji yang diterima.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa dari semasa ke semasa menimbang permohonan serta membuat kajian semakan gaji dan elaun perkhidmatan PDRM dan ATM serta keseluruhan perkhidmatan awam berdasarkan prinsip-prinsip tertentu yang telah ditetapkan. Dalam melaksanakan kajian semakan gaji dan elaun tersebut, pertimbangan dan perhatian secara berhati-hati perlu diberikan mengambil kira kemampuan kewangan Kerajaan kerana pelaksanaannya secara langsung memberi implikasi kepada perbelanjaan mengurus yang tinggi.